

Manahij Al-Fuqaha

Editor:

Abdul Karim Ali¹,
Muhammad Safwan Harun²

Email:

abdkarim@um.edu.my¹,
safone_15@um.edu.my²

Abstrak: Buku ini merupakan suntingan daripada tujuh artikel terpilih yang berkisar tentang metodologi hukum Islam. Rentetan perkembangan semasa, perlunya sebuah perbincangan bersifat akademik untuk menjelaskan tentang manhaj istinbat hukum Islam bagi menangani realiti semasa. Oleh kerana itu, buku ini bakal menjelaskan kepada sidang pembaca tentang metodologi yang ada dalam proses pengeluaran hukum menurut beberapa sarjana terpilih yang terdiri daripada imam empat (4) mazhab dan beberapa ulama lain. Perbincangan berbentuk akademik tentang manahij al-fuqaha' merupakan asas penting untuk difahami dan dihadap untuk menghayati perbezaan fiqh dengan baik. Ini bermaksud, manahij al-fuqaha' perlu dijelaskan kepada masyarakat secara lebih akademi kerana kegagalan memahami punca khilaf dalam proses pengeluaran hukum mencetuskan tanggapan negatif terhadap kepelbagaian pendapat. Justeru, buku ini bukan sekadar mendedahkan tentang teori hukum dari perspektif ulama terpilih, malah dipercayai dapat membantu sidang pembaca menghayati dengan lebih baik pandangan-pandangan fiqh dari kalangan imam-imam.

Kata Kunci: Metodologi hukum, manhaj istinbat, khilaf fiqh, empat mazhab, teori hukum

Manahij Al-Fuqaha'

Manahij Al-Fuqaha'

EDITOR: Abdul Karim Ali
Muhammad Safwan Harun

EDITOR
*Abdul Karim Ali
Muhammad Safwan Harun*




**Penerbit
UTHM**

Manahij Al-Fuqaha'

Manahij Al-Fuqaha'

EDITOR

Abdul Karim Ali

Muhammad Safwan Harun



© Penerbit UTHM
Cetakan Pertama 2023

Hak cipta terpelihara. Menghasilkan semula mana-mana artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk elektronik, mekanikal fotokopi, rakaman atau apa-apa bentuk tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Pejabat Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Parit Raja, Batu Pahat, Johor adalah dilarang. Mana-mana rundingan tertakluk kepada pengiraan royalti dan honorarium.

Perpustakaan Negara Malaysia
Editor: Abdul Karim Ali, Muhammad Safwan Harun

ISBN: 978-967-0061-64-1

Diterbitkan dan Dicetak oleh:
Penerbit UTHM
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
86400 Parit Raja,
Batu Pahat, Johor
Tel: 07-453 7428 / 7452
Faks: 07-453 6145

Laman web: <http://penerbit.uthm.edu.my>
E-mel: pt@uthm.edu.my
<http://e-bookstore.uthm.edu.my>

Penerbit UTHM adalah anggota
Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM)



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-0061-64-1

ISI KANDUNGAN

SENARAI SINGKATAN	vii
PRAKATA	ix
BAB 1 PERSONALITI DAN METODOLOGI HUKUM IMAM ABŪ ḤANĪFAH	1
BAB 2 PERSONALITI DAN METODOLOGI HUKUM IMAM MĀLIK	39
BAB 3 PERSONALITI DAN METODOLOGI HUKUM IMAM SHĀFI‘Ī	67
BAB 4 PERSONALITI DAN METODOLOGI HUKUM IMAM AḤMAD ḤANBAL	99
BAB 5 PERSONALITI METODOLOGI HUKUM IMAM IBN HAẒM AL-ẒĀHIRĪ	113
BAB 6 PERSONALITI METODOLOGI HUKUM IMAM AḤMAD IBN TAYMIYYAH	141
BAB 7 METODE TAKHRĪJ AL-FURŪ‘ ‘ALA AL-UṢŪL MENURUT YA’QUB AL-BAHUSAYN DALAM KARYANYA AL-TAKHRĪJ ‘INDA AL-FUQAḤĀ’ WA AL-USŪLIYYĪN	165

GLOSARI	181
BIODATA EDITOR	185
INDEKS	187

SENARAI SINGKATAN

APIUM	:	Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
Dr.	:	Doktor (gelaran bagi individu yang telah berjaya di peringkat doktor falsafah)
ed.	:	Edisi
H	:	HIjrah
Hj.	:	Haji
hh	:	Helaian Halaman
http	:	Hypertext transfer protocol
Ibid	:	Dari bahasa Latin ibidem. Maklumat rujukan seterusnya sama seperti sebelumnya
j.	:	Jilid
M	:	Masihi
op. cit.	:	Daripada perkara latin opus citatum atau opere citato yang merujuk kepada the work cited
PhD	:	Doktor Falsafah
Prof.	:	Profesor
SAW	:	Salallahu ‘alaihi wa sallam
SWT	:	Subhanahu wa ta’ala
t.tp	:	Tanpa tempat
t.t	:	Tanpa tarikh
terj.	:	Terjemahan

PRAKATA

Buku *Manāhij al-Fuqahā'* yang dihasilkan ini merupakan satu usaha untuk mendedahkan masyarakat awam khususnya para pelajar aliran Syariah terhadap metodologi hukum yang digunakan oleh fuqaha. Mutakhir ini seringkali timbul pelbagai keraguan berkaitan khilaf pandangan fuqaha dalam penentuan hukum Islam atau lebih tepat ialah perdebatan tentang *berintima'* (berpegang) dengan sesuatu mazhab. Dalam hal ini, terdapat pihak yang menganggap pandangan fekah yang tepat adalah berpandukan secara langsung kepada hadis sahih. Implikasinya, pandangan kontradik dengannya dianggap tidak mempunyai kebenaran. Walaupun idea ini mempunyai asas, namun ia perlu diperhalusi dengan baik melalui manhaj memahami hadis yang menjadi sebahagian intipati perbincangan *manāhij al-fuqahā'*.

Di samping itu, kepelbagaian pandangan fekah dalam realiti semasa ditanggapi dengan emosi yang tidak berbasiskan ilmu yang mendalam tentang metode istinbat hukum. Realiti yang berlaku dalam sebahagian kalangan masyarakat awam, mereka tidak memahami metode istinbat para ulama dengan baik. Hal yang diperhatikan oleh golongan ini hanyalah hasil hukum yang diputuskan tanpa memperhalusi pendekatan atau proses yang digunakan oleh fuqaha semasa mengeluarkan hukum. Situasi ini menimbulkan penerimaan hukum fekah yang tidak rasional terhadap kepelbagaian pandangan yang ada. Malah, konsep *ikhtilāf ummatī rahmah*” itupun tidak dapat dihayati dengan baik hingga menimbulkan pentafsiran yang tidak tepat terhadap amalan masyarakat. Apa yang ingin ditekankan di sini ialah tiadanya kefahaman yang tepat tentang metodologi fuqaha dalam proses istinbat mereka.

Dalam erti kata lain, kekeliruan tersebut timbul akibat kurangnya kefahaman terhadap metodologi fuqaha dalam berinteraksi dengan nas hukum melalui sistem yang tersusun sebagaimana terdapat dalam ilmu

uṣūl al-fiqh. Misalnya, dalam metodologi hukum Imam Malik, beliau akan mendahulukan amalan ahli Madinah berbanding *khbar aḥad* (Ibn Qayyim al-Jawziyyah, 2002). Jika metodologi tersebut tidak difahami, maka kesimpulan mudah akan menyimpulkan bahawa Imam Malik mendahulukan '*uruf*' berbanding nas dalam metodologi hukumnya. Lebih serius, pendekatan ini akan dijadikan asas oleh sebahagian pihak yang dikenali dengan gelaran *mu'aṭṭilah al-judud* (aliran *mu'aṭṭilah* kontemporari) untuk mendahulukan *maslahah* terhadap nas secara mutlak. Sedangkan, jika diperhalusi mengapa tertib sedemikian dipraktikkan oleh Imam Malik dalam mengeluarkan hukum fekah, ia adalah kerana amal ahli Madinah dianggap sebagai hadis *mashhūr* di mana kedudukannya sudah tentu lebih tinggi daripada hadis *aḥad*.

Lantaran itu, pengetahuan tentang *manāhij al-fuqahā'* merupakan satu perkara penting yang perlu diketengahkan kepada masyarakat umum dalam realiti masa kini. Hal ini kerana, masyarakat awam sungguhpun mereka bermazhab mufti, namun kadangkala mereka terdedah dengan diskusi yang menyaksikan kepelbagaian pandangan fekah dalam sesuatu isu. Apatah lagi dalam suasana dunia tanpa sempadan yang mendokong penyaluran maklumat tentang wacana hukum Islam tanpa had. Oleh kerana itu, masyarakat perlu didedahkan dengan ilmu tentang manhaj ulama dalam mengeluarkan sesuatu hukum Islam yang diistilahkan sebagai ilmu *manāhij al-fuqahā'*.

Dari segi pembentukan istilah *manāhij al-fuqahā'*, istilah ini terbentuk hasil gabungan antara dua patah perkataan iaitu *manāhij* dan *al-fuqahā'*. Dari segi bahasa, "*manāhij*" merupakan kata jamak bagi "*manhaj*" yang bermaksud jalan yang jelas. Sementara manhaj dari segi makna istilah boleh difahami dengan tiga keadaan iaitu (1) asal yang dipegang dalam mengeluarkan *furū'*, (2) kaedah dan prinsip yang dilazimi oleh imam bagi mengeluarkan dan istinbat hukum atau (3) himpunan daripada jalan, uslub dan asas yang dilalui oleh para ashab mazhab di mana mereka bergantung dengannya untuk sampai kepada suatu keputusan yang dikehendaki. Walaupun uslub ketiga-tiga takrif ini kelihatan berbeza, namun ia menjelaskan tentang satu hakikat iaitu asas atau usul yang dijadikan asas dalam proses istinbat hukum Islam. Sementara perkataan *fuqaha'* pula merupakan jamak bagi *faqih*. Dalam hal ini, *faqih* merupakan seseorang yang mempunyai autoriti atau pengetahuan tentang hukum-hukum syarak yang amali yang dikeluarkan daripada dalil-dalil yang terperinci. Justeru,

istilah *manāhij al-fuqahā*’ dapat disimpulkan sebagai satu himpunan asas, kaedah dan jalan yang dilalui oleh faqih dalam melakukan istinbat hukum syarak.

Sungguhpun secara dasarnya *manāhij al-fuqahā*’ dapat difahami dengan maksud kaedah atau asas yang digunakan oleh faqih untuk melakukan proses istinbat hukum fiqh, namun begitu lazimnya asas tersebut terikat dengan sesuatu mazhab fiqh. Hal ini amat berkait dengan keupayaan sebenar seseorang faqih sama ada mampu untuk mempelopori kaedah atau asas tertentu secara sendiri ataupun hanya mengikuti kaedah daripada imam-imam mazhab. Ia merupakan titik perbezaan yang jelas terhadap tingkatan mujtahid yang terdiri daripada *mujtahid mutlaq mustaqil*, *mujtahid mutlaq ghayr mustaqil*, *mujtahid muqayyad*, *mujtahid takhrīj* dan *mujtahid fatwā*. Antara tingkatan *mujtahid* tersebut, *mujtahid mutlaq mustaqil* sahaja yang mempunyai kaedah atau asas istinbat hukum fiqh tersendiri. Ini bermakna, para fuqaha selain daripada itu melakukan proses istinbat hukum bersandarkan kepada kaedah yang diwarisi daripada imam-imam yang mencapai tingkatan *mujtahid mutlaq mustaqil*. Secara praktikalnya, amalan mewarisi asas dan kaedah daripada fuqaha awal ini menjadi faktor terpenting pembentukan sesuatu mazhab. Ia sebagaimana yang diertikan dalam takrif mazhab iaitu jalan yang dilalui oleh seseorang faqih serta pandangan yang dirajihkan dengan dalil yang seiring dengan isu tersebut. Bahasa mudahnya, mazhab merupakan manhaj fiqh yang dilalui oleh seorang faqih yang mencapai tingkatan mujtahid.

Justeru, karya yang dihasilkan ini mempunyai dua objektif utama iaitu mendedahkan pengetahuan tentang manhaj-manhaj istinbat hukum dalam kalangan fuqaha serta memperkayakan sumber rujukan bidang ini dalam bahasa yang lebih mudah difahami. Hal ini bermaksud, wacana dalam penulisan ini juga bertujuan membantu khalayak pembaca memahami intipati *manāhij al-fuqahā*’ dengan lebih jelas melalui penyampaian bahasa yang lebih mudah. Adalah diyakini bahawa, melalui karya ini ia akan memberikan gambaran yang lebih tepat tentang proses istinbat hukum fiqh dalam kalangan faqih mujtahid. Bagi mencapai objektif tersebut, sebanyak tujuh artikel terpilih telah dihimpunkan berkisar manhaj ulama fekah yang terdiri daripada Imam Abū Ḥanīfah, Imam Mālik, Imam Shāfi‘ī, Imam Aḥmad, Imam Ibn Ḥazm, Imam Ibn Taymiyyah dan pemikiran Ya’Qub al-Bahusayn yang merupakan seorang tokoh kontemporari. Menariknya, artikel-artikel tersebut merupakan hasil penulisan tenaga pengajar

daripada Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Kupasan tentang metodologi hukum tokoh-tokoh ini umumnya mempunyai dua intipati utama iaitu dimulakan dengan personaliti dan seterusnya perbincangan tentang metodologi hukum daripada perspektif mereka.

Daripada tujuh artikel berkisar metodologi fuqaha tersebut, maka terbentuknya penyusunan bab buku yang disunting mengikut senioriti kesarjanaan fuqaha ini. Oleh kerana itu, buku ini mendedahkan wacana metodologi fuqaha yang bermula daripada Imam Abū Ḥanīfah dan berakhir dengan Ya'qub al-Bahusayn. Sistematika yang lebih terperinci adalah seperti berikut:

Pada bab pertama, perbincangan tentang personaliti dan metodologi hukum dari perspektif Imam Abu Hanifah telah dikupas. Bab ini menengahkan dua topik utama iaitu perbincangan tentang riwayat hidup Imam Abū Ḥanīfah secara terperinci. Kemudian, pada topik kedua penulis membincangkan metodologi hukum yang diterapkan oleh tokoh ini dalam proses istinbat hukum Islam. Ia bermula dengan dalil al-Quran, al-Sunnah, fatwa dan pandangan sahabat RA, *ijmak*, *qiyās*, *istiḥsān* dan *'urf*.

Pada bab kedua, perbincangan adalah tentang personaliti dan metodologi hukum Imam Malik. Bab ini membahaskan riwayat hidup dan metodologi hukum Imam Malik yang sinonim dengan aliran ahli hadis. Melalui dua topik utama, penulis membawakan pengisahan tentang riwayat hidup merangkumi pelbagai aspek seperti kelahiran, pendidikan, pengiktirafan dan beberapa aspek yang lain. Pada topik kedua, metodologi hukum menurut Imam Malik dibahaskan. Ia meliputi al-Quran, al-Sunnah, *ijmak* dan amalan penduduk Madinah, fatwa sahabat, *qiyās*, *maṣāliḥ mursalah*, *istiḥsān*, *istiḥāb*, *sadd al-dhari'ah* dan *'urf*.

Seterusnya, pada bab ketiga, perbincangan tentang ketokohan Imam Shāfi'ī diketengahkan. Secara asasnya, bab ini turut dikembangkan berdasarkan dua topik utama iaitu penulisan tentang ketokohan Imam Shāfi'ī sebagai faqih mujtahid yang meliputi pelbagai aspek termasuklah latar belakang kelahiran, keluarga, cabaran kehidupan serta kewafatan beliau. Setelah itu, penulis membincangkan secara mendalam aspek metodologi atau manhaj hukum menurut Imam Shāfi'ī terdiri daripada al-Quran dan al-Sunnah, *ijmak*, pandangan sahabat RA dan Qiyas. Sebagaimana maklum, Imam

Shāfi‘ī seorang sarjana yang menentang penggunaan *istihsān*. Subtopik ini turut dibahas oleh penulis bagi menjelaskan fakta sebenar tentang penolakan Imam Shāfi‘ī terhadap metode hukum berkenaan.

Pada bab keempat, penulis mendedahkan perbincangan tentang personaliti dan metodologi hukum dari perspektif Imam Ahmad bin Hanbal. Bab ini mengetengahkan dua topik utama iaitu perbincangan tentang riwayat hidup Imam Ahmad bin Hanbal secara terperinci. Kemudian, pada topik kedua penulis membincangkan metodologi hukum yang diterapkan oleh tokoh ini dalam proses istinbat hukum Islam. Ia bermula daripada dalil al-Quran, al-Sunnah, fatwa sahabat RA, ijmak, *qiyās*, *istiṣhāb* dan *sadd al-dhari’ah*.

Selain perbincangan tentang *manhaj al-fuqahā’* menurut perspektif imam-imam mazhab yang masyhur, karya ini turut mendedahkan penulisan bab tentang Imam Ibn Hazm al-Zahiri. Secara ringkasnya, tokoh ini merupakan seorang faqih yang popular dengan pendekatan zahir terhadap nas hukum. Justeru, dalam bab kelima ini, penulis telah membincangkan tentang personaliti dan metodologi hukum Imam Ibn Hazm al-Zahiri. Bab ini membahaskan riwayat hidup dan metodologi hukum Imam Ibn Hazm al-Zahiri. Melalui dua topik utama, penulis membawakan pengisahan tentang riwayat hidup merangkumi pelbagai aspek seperti kelahiran, pendidikan, pengiktirafan dan beberapa aspek yang lain. Pada topik kedua, metodologi hukum Imam Ibn Hazm al-Zahiri yang terdiri daripada tiga pendekatan iaitu al-Quran al-Sunnah dan ijmak telah dibahas. Metodologi menurut tokoh ini juga diperincikan lagi dengan penolakan tokoh terhadap beberapa metodologi hukum antaranya *qiyās*.

Pada bab keenam, penulis mendedahkan perbincangan tentang personaliti dan metodologi hukum dari perspektif Imam Ibn Taimiyyah. Pendedahan tentang metodologi tokoh ini dilihat penting kerana sungguhpun beliau cenderung bermazhab Hanbali, namun terdapat beberapa pandangan fiqh beliau yang berbeza dengan mazhab. Lantaran itu, bab ini mengetengahkan dua topik utama iaitu perbincangan tentang riwayat hidup Imam Ibn Taimiyyah secara terperinci. Kemudian, pada topik kedua penulis membincangkan metodologi hukum yang diterapkan oleh tokoh ini dalam proses istinbat hukum Islam. Ia bermula daripada dalil al-Quran, al-Sunnah, ijmak, *qiyās*, *istiṣhāb*, *maṣāliḥ mursalah*, *sadd al-dhari’ah*, pandangan Sahabat RA dan *istihsān*.

Sementara pada bab ketujuh, terdapat sedikit kelainan dalam perbahasan yang diketengahkan. Hal ini kerana, perbincangan tersebut menjelaskan tentang metodologi *takhrij al-furu'* 'ala al-usul menurut pemikiran Ya'qub al-Bahusayn. Pendedahan tentang pemikiran beliau dari perspektif ini penting kerana metode takhrij mula mendapat perhatian dalam wacana hukum Islam semasa. Justeru, intipati seperti biodata tokoh ini serta metodologi takhrij al-furu' 'ala al-usul telah dibahaskan dalam bab terakhir buku ini.

Diharapkan buku ini dapat memberikan gambaran secara jelas tentang metodologi yang digunakan oleh sebahagian faqih mujtahid dalam menentukan hukum fekah. Dalam hal ini, pendekatan atau metodologi yang berbeza dalam kalangan fuqaha tersebut menjadi punca perbezaan pandangan hukum antara mereka. Bukanlah satu hal yang pelik apabila wujudnya perbezaan pandangan fekah kerana kebanyakan masalah-masalah fekah adalah dalam ruang ijtihad di samping terdapatnya manhaj-manhaj yang tersendiri oleh setiap fuqaha. Hal ini juga bukan bermaksud terdapatnya kesalahan dalam ijtihad mana-mana pihak. Namun begitu, perbezaan pandangan ini hakikatnya mewujudkan rahmat kepada umat Islam dalam menunaikan hak agama mengikut situasi dan suasana yang pelbagai. Diharapkan, karya ini juga dapat memberi gambaran yang lebih tepat kepada sidang pembaca tentang metodologi istinbat hukum fuqaha. Selain itu, melalui wacana yang diketengahkan dalam karya ini, diharapkan para pembaca dapat memahami sebab-sebab khilaf antara fuqaha dalam penentuan hukum Islam.

Wallahu'alam.

Abdul Karim Ali

Muhammad Safwan Harun

1

PERSONALITI DAN METODOLOGI HUKUM IMAM ABŪ ḤANĪFAH

Muhammad Safiri Ismail

PERSONALITI IMAM ABŪ ḤANĪFAH

Nama dan keturunan

Nama penuh beliau ialah Abū Ḥanīfah al-Nu‘mān bin Thābit bin Zawtī dan dilahirkan di Kufah, Iraq pada tahun ke 80 Hijrah (al-Muwaffaq, 1981). Beliau adalah berketurunan Parsi iaitu bapa dan datuknya berasal daripada Kabul, salah sebuah jajahan negara Parsi pada ketika itu. Diceritakan bahawa datuknya dahulu merupakan seorang hamba. Namun, dakwaan ini tidak sedikit pun mencalarkan kredibiliti dan peribadi Imam Abu Hanifah. Ini kerana Islam lebih melihat seseorang itu dari aspek kekuatan keimanan, di samping jasanya kepada masyarakat lebih-lebih lagi apabila dia berjasa dalam bidang keilmuan Islam (Muhammad Abū Zuhrah, 1947).

Kelahiran dan riwayat hidup semasa kecil

Imam Abū Ḥanīfah mula dibesarkan dan banyak menghabiskan masa mudanya di Kufah. Beliau hidup dalam sebuah keluarga muslim yang harmoni dan agak mewah kerana bapanya seorang peniaga tekstil (sutera) yang berjaya. Sekalipun tiada nukilan yang jelas menceritakan tentang kemewahan keluarganya, namun ramai ahli sejarah cenderung berpandangan sedemikian berdasarkan beberapa petunjuk. Antaranya ialah keluarga beliau kerap menghadihkan manisan kepada khalifah sedangkan harga manisan pada ketika itu agak mahal. Selain itu, diceritakan juga bahawa bapanya iaitu Thabit semasa kecil pernah didoakan oleh Saidina ‘Alī bin Abī Talib agar keturunannya dilimpahi keberkatan. Berkat daripada doa tersebut, Imam Abū Ḥanīfah telah membesar dalam limpahan keberkatan bermula dengan kejayaannya menghafaz al-Quran, hadis dan

“Sekiranya sesuatu dalil (contohnya nas) dinyatakan secara ‘ām sedangkan terdapat al-‘Urf yang mencanggahi sesetengahnya (iaitu sesetengah hukum yang dinyatakan tadi secara ‘ām) atau dalil tadi (yang dicanggahinya) adalah al-Qiyās, maka al-‘Urf dalam situasi ini pasti diambil kira. Sekiranya (penjelasan menerusi) dalil tadi adalah berbentuk ‘ām maka al-‘Urf al-‘Ām mampu mentakhṣīṣkannya dan al-Qiyās boleh dikesampingkan. Ini sepertimana yang telah mereka (para ulama Ḥanafīyyah) tegaskan dalam kes al-Istithnā’, memasuki tandas dan meminum air daripada siqā’ (bekas simpanan air yang diperbuat daripada kulit binatang) (Muḥammad Abū Zuhrah, 1947).

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, Imam Abū Ḥanīfah merupakan seorang ulama yang mencapai tahap *mujtahid mutlaq* dan menjadi rujukan banyak pihak dalam kalangan ulama sezaman dengannya. Melalui perbincangan yang telah diketengahkan, jelaslah bahawa beliau mempunyai metodologi hukum yang tersendiri terdiri daripada al-Quran, al-Sunnah, fatwa sahabat RA, ijmak, *al-qiya’s*, *al-istihsān* dan *al-‘urf*. Mengamati metodologi hukum menurut tokoh ini, perlu ditegaskan bahawa pendedahan tentang manhaj beliau adalah hasil wacana ulama Ḥanafīyyah yang terkemudian. Antara mereka yang tersohor dalam hal ini ialah Fakhr al-Islām al-Bazdawī, ‘Isā bin Abān, al-Karkhī dan Abū Sa‘īd al-Barda‘ī melalui analisis terhadap fatwa Imam Abū Ḥanīfah sendiri mahupun anak murid utamanya. Justeru, metodologi ini perlu diperhalusi dengan baik bagi memahami pendekatan yang diterapkan tokoh dalam sesuatu keputusan fiqh.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Karīm Zaydān. (1999). *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*. cet. 7. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- ‘Abd al-Wahhāb Khallāf. (t.t.). *‘Ilm ‘Uṣūl al-Fiqh wa Khulāṣah Tārīkh al-Tashrī’*. Mesir: Maṭba‘ah al-Madanī.

- ‘Ali Jum‘ah. (2001). *Al-Madkhal ilā Dirāsah al-Madhāhib al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dār al-Salām.
- Aḥmad bin Ḥajar al-Haytamī al-Makkī. (1983). *al-Khayrāt al-Ḥisān fī Manāqib al-Imām al-A‘zam Abī Ḥanīfah al-Nu‘mān*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Aḥmad bin Ḥanbal. (2001). *Musnad al-Imām Aḥmad bin Ḥanbal*. ed. Shu‘ayb al-Arna’ūt. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- Al-Khaṭīb al-Baghdādī Aḥmad bin ‘Alī. (2002). *Tārīkh Baghdād*. ed. Basyār ‘Awwād Ma‘rūf. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- Al-Muwaffaq bin Aḥmad al-Makkī. (1981). *Manāqib Abī Ḥanīfah*. juz. 1. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Arabī.
- Badr al-Dīn Muḥammad bin Bahādir bin ‘Abd Allāh al-Zarkashī. (2000). *al-Baḥr al-Muḥīt fī Uṣūl al-Fiqh*. j. 4. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Muḥammad Abū Zuhrah. (1947). *Abū Ḥanīfah: Ḥayātuh, ‘Aṣruḥ, Arā’uh wa Fiqhuh*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī.
- Muḥammad bin ‘Alī al-Shawkānī. (1999). *Irsyād al-Fuḥūl ilā Taḥqīq al-Ḥaqq min ‘Ilm al-Uṣūl*. j. 2. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī. (2002). *Al-Jāmi‘ al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar min Umūr Rasūlillah SAW*. ed. Muḥammad Zuhair Nāṣir al-Nāṣir. t.tp.: Dār Ṭūq al-Najāh.
- Wahbah al-Zuhaylī. (1998). *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*. j. 1. Damsyik: Dār al-Fikr.
- Wahbī Sulaymān Ghāwajī al-Albānī. (1973). *Abū Ḥanīfah al-Nu‘mān: Imām al-A‘immah al-Fuqahā'*. Damsyik: Dār al-Qalam.

2

PERSONALITI DAN METODOLOGI HUKUM IMAM MĀLIK

Noor Naemah Abdul Rahman (Ph.D)

PERSONALITI IMAM MALIK

Nama, Kelahiran dan Nasab

Namanya ialah Abū Abd Allāh Mālik bin Anas bin Mālik bin Abī ‘Āmir al-Aṣbahī al-Yamanī. Dilahirkan di Madinah pada tahun 93 H/712M (al-Dhahabī, 1991). Beliau seorang yang berketurunan bangsa Arab dari daerah Dhū Aṣbaḥ, sebuah kampung di kota Himyar, satu daerah di negeri Yaman (Moenawar Chalil, 1996). Ayahnya ialah Anas bin Mālik seorang tabi‘in. Nama penuhnya ialah Anas bin Abī ‘Āmir bin ‘Amr bin al-Ḥārith bin Sa‘d bin Awf bin ‘Adī bin Mālik bin Yazīd. Bukannya Anas bin Mālik seorang sahabat yang pernah menjadi khadam Nabi Muhammad SAW, kerana beliau adalah Anas bin Malik bin Naḍar bin Dhamdham bin Zayd al-Anṣārī al-Khazrajī (Moenawar Chalil, 1996). Ibunya ialah Sītī al-‘Aliyah binti Shurayk bin ‘Abd al-Raḥmān bin Shurayk al-Azdiyyah. Pada masa beliau dilahirkan, pemerintahan Islam berada di tangan khalifah Sulaymān bin ‘Abd al-Mālik (dari Bani Umayyah yang ke VII) (Moenawar Chalil, 1996).

Pendidikan dan Guru-Guru

Imam Mālik membesar dan terdidik dalam lingkungan para ilmuwan dalam kalangan tabi‘in dan ahli hukum. Datuknya Mālik bin Abī ‘Āmir adalah dari kalangan *kibār al-tābi‘īn* yang meriwayatkan hadis daripada ‘Umar bin al-Khaṭṭāb, ‘Uthmān bin Affān, Ṭalḥah bin Ubaydillāh, ‘Aishah dan lain-lain (Muḥammad Abū Zuhrah, t.t.).

Bapa saudaranya iaitu Abū Suhayl adalah seorang perawi hadis yang termasuk dalam senarai para guru kepada Ibn Shihāb al-Zuhrī walaupun

memberikan apa yang terbaik untuk mereka.

Justeru, dari usul ataupun kaedah yang telah dibentangkan terdahulu mendapati bahawa manhaj dan metodologinya dalam berfatwa dan membina hukum telah mengaitkan dan menghubungkannya dengan kemaslahatan manusia yang bersesuaian dengan maksud-maksud syariat. Beliau cuba mencernakan *fiqh ‘amalī* yang bersesuaian antara kehendak nas dan keperluan manusia.

RUJUKAN

- _____. (t.t.). *al-Muwāfaqāt*, j. 3. Kaherah: Matba‘ah ‘Ali Subayh wa Auladihi.
- _____. (1985). *Siyar A‘lām al-Nubalā‘*, j. 8. Beirut: Mu‘assasah al-Risālah.
- ‘Abd al-Karīm Zaydān. (2004). *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*. Beirut: Mu‘assasah al-Risālah.
- Abū al-Faḍl al-Qāḍī ‘Iyād bin Mūsā al-Yaḥṣabī. (1965). *Tartīb al-Madārik wa Taqrīb al-Masālik*. ed. Ibn Tāwīt al-Ṭanjī. Maghrib: Maṭba‘ah al-Fadālah.
- Abū Ishāq Ibrāhīm bin Mūsā al-Lakhmī al-Gharnāṭī al-Shāṭibī. (1996). *Al-I‘tiṣām*, j. 2, Riyad: Dār al-Khānī.
- Al-Qarāfī Aḥmad bin Idrīs. (1973). *Sharḥ Tanqīḥ al-Fuṣūl*. ed. Ṭaha ‘Abd al-Ra‘ūf Sa‘ad. Sharikah al-Ṭibā‘ah al-Fanniyyah al-Muttaḥidah.
- K.H. Moenawar Chalil. (1996). *Biografi Empat Serangkai Imam Mazhab*. Jakarta: PT Bulan Bintang.
- Muḥammad bin Aḥmad al-Qurṭubī. (1964). *Al-Jāmi‘ li Ahkām al-Qurān*. ed. Aḥmad Bardawī. Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Muḥammad Abū Zuhrah. (t.t). *Tārīkh al-Madhāhib al-Islāmiyyah*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabi.
- Muḥammad ‘Abd al-‘Azīz al-Khulī. (1980). *Miftāḥ al-Sunnah*, c. 3. Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Muḥammad ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Raḥmān al-Qayrawānī. (1999). *Al-Nawādir wa al-Ziyādāt ‘alā Mā fī al-Mudawwanah min Ghayrihā min al-Ummahāt*. ed. ‘Abd al-Fattāḥ Muḥammad al-Ḥelwī. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.

Muḥammad al-Mallāḥ. (2001). *Al-Fatwā*, c. 1. Beirut: al-Maktabah al-‘Aṣriyyah.

Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī. (t.t.). *Al-Mustasfā*. j. 1. Kaherah: Maktabah al-Fanniyyah al-Muttaḥidah.

Muḥammad Yaḥyā al-Walātī. (2006). *Īṣāl al-Sālik ilā Uṣūl Madhhab al-Imām Mālik*. ed. Murād Būḍāyah. Beirut: Dār Ibn Ḥazm.

Shams al-Dīn al-Sakhāwī. (t.t.). *Ḍaw’ al-Lāmi’ li Ahl Qarni al-Tāsi’*. Beirut: Dār Maktabah al-Ḥayāh.

Shams al-Dīn Muḥammad bin Aḥmad bin ‘Uthmān al-Dhahabī. (1991). *Siyar A‘lām al-Nubalā’*, j. 2. Jeddah: Dār al-Andalus.

3

PERSONALITI DAN METODOLOGI HUKUM IMAM SHĀFI'Ī

Anisah Ab Ghani (Ph.D)

PERSONALITI IMAM SHĀFI'Ī

Nama penuh dan Kelahiran

Nama asal Imam Shāfi'ī ialah Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Idrīs bin al-'Abbās bin 'Uthmān bin Shāfi' bin Sā'ib bin 'Abd Allāh bin 'Abd Yazīd bin Hāshim Ibn 'Abd al-Muṭṭalib bin 'Abd al-Manāf. Beliau dilahirkan di Gaza, Palestin dalam tahun 150 hijrah. Terdapat pendapat yang mengatakan bahawa beliau lahir di 'Asqalān, tetapi kedua nama ini tidaklah berbeza pada hakikatnya kerana Gaza dahulunya adalah daerah 'Asqalan (Muḥammad Abū Zuhrah, 1948).

Tempat asal ibu bapanya bukanlah di Palestin, tetapi sebenarnya di Mekah. Mereka datang ke Gaza untuk seketika sahaja dan ditakdirkan Imam Shāfi'ī dilahirkan di situ. Bapa Imam Shāfi'ī meninggal dunia ketika beliau masih kecil lagi. Sejak itu beliau dipelihara oleh ibunya dalam keadaan anak yatim (Muḥammad Abū Zuhrah, 1948).

Terdapat dua kejadian penting ketika kelahiran Imam Shāfi'ī. Pertama, Ibunya bermimpi bahawa sebiji bintang telah keluar dari perutnya itu pecah berderai dan menerangi daerah-daerah sekelilingnya. Menurut tafsiran bahawa ia akan melahirkan seorang putera ilmunya meliputi alam sejagat.

Kedua, Imam Shāfi'ī dilahirkan pada hari yang sama dengan kematian dua orang ulama besar iaitu Imam Abū Ḥanīfah di Baghdad dan Imam Ibn Jurayj al-Makkī iaitu mufti Hijaz. Menurut firasatnya hal ini adalah satu petanda bahawa anak yang lahir ini akan menggantikan yang meninggal dari segi ilmu serta kepintarannya.

Kata beliau lagi kalaulah *al-Istiḥsān* itu boleh diterima maka ijtihad bukan sahaja dapat dilakukan oleh orang-orang yang alim tentang al-Quran dan al-Sunnah, tetapi juga oleh sesiapa sahaja yang mempunyai pandangan akal yang tajam. Ini kerana *al-Istiḥsān* itu ialah menentukan hukum berasaskan akal. Kedudukan seperti itu tidak boleh diterima oleh Islam (al-Shāfi'ī, t.t.).

KESIMPULAN

Secara ringkasnya boleh disimpulkan bahawa dalam mentafsirkan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah, Imam Shāfi'ī menggunakan kaedah biasa bahasa arab. Dalam ketiadaan nas beliau akan melihat kepada ijmak dalam pengertiannya yang asal. Kalau masih tidak ada beliau akan melihat kepada pandangan para sahabat dan akan memilihnya berasaskan kepada mana satu yang lebih dekat kepada pengertian al-Quran dan al-Sunnah atau kalau tidak, mana satu yang boleh dianggap sebagai *qiyās*.

Begitu juga Imam Shāfi'ī menolak *al-Istiḥsān* kerana ia semata-mata berasaskan cita rasa mujtahid. Bagi beliau konsep asas dan semangat syariat secara umum yang diiktiraf oleh sesetengah fuqaha sebagai boleh menjadi asas kepada *al-Istiḥsān* tidak boleh berfungsi dalam bidang hukum. Hal ini kerana apa yang penting ialah nas-nas itu sendiri secara khusus.

RUJUKAN

_____. (t.t.), *al-Shāfi'ī Hayātuh wa 'Asruh Arā'uh wa Fiqhuh*. Kaherah: Dar al-Fikr.

'Abd al-Raḥmān Ibn Muḥammad Ibn Khaldūn. (2004). *Muqaddimah Ibn Khaldūn*. ed. 'Abd Allāh Muḥammad al-Darwīsh. Dimashq: Dār Yu'rab.

'Alā' al-Dīn 'Abd 'Azīz bin Aḥmad. (1974). *Kashf al-Asrār 'Sharḥ Uṣūl al-Bazdawī*. Beirut: Dar al-Kitab.

Abū Muḥammad 'Abd al-Raḥmān bin Muḥammad Ibn Abī Ḥātim al-Rāzī. (2003). *Ādāb al-Shāfi'ī wa Manāqibuh*. ed. 'Abd al-Ghanī 'Abd al-Khāliq. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Aḥmad Naḥrāwī 'Abd al-Salām. (2017). *Al-Imām al-Shāfi'ī fī Madhhabayh*

al-Qadīm wa al-Jadīd. Kaherah: Dār al-Şālih.

Al-Shāfi'ī. (1237H). *al-Umm*. j. 7. Kaherah: Dar al-Fikr.

Al-Shāfi'ī. (t.t.). *Al-Risālah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Muḥammad Abū Zuhrah. (1948). *al-Shāfi'ī Hayātuh wa 'Asruh Arā'uh wa Fiqhuh*. Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiy.

Muḥammad 'Ajjāj al-Khaṭīb. (1988). *al-Sunnah Qabla al-Tadwīn*. t.tp: Maktabah Wahbah.

Muslim bin al-Ḥajjāj. (t.t.). *al-Musnad al-Şaḥīḥ al-Mukhtaṣar bi Naql al-'Adl 'an al-'Adl ilā Rasūlillāh SAW*. ed. Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī.

4

PERSONALITI DAN METODOLOGI HUKUM IMAM AḤMAD BIN ḤANBAL *Luqman Hj Abdullah (Ph.D)*

PERSONALITI IMAM AḤMAD ḤANBAL

Biografi Imam Aḥmad

Imam Aḥmad bin Ḥanbal dilahirkan di Baghdad pada bulan Rabī‘ al-Awwal tahun 164H/780M dan berketurunan Bani Shaybān. Dari sudut turutan masa Imam Aḥmad adalah imam yang keempat selepas Abū Ḥanīfah, Mālik dan Shāfi‘ī. Beliau telah dibesarkan oleh bondanya dalam keadaan yatim dan telah dididik sebagai seorang yang berakhlak mulia, kuat beragama serta cintakan ilmu pengetahuan. Semenjak dari kecil beliau mempunyai sifat gemar menghadiri halaqah-halaqah ilmu di sekitar Baghdad yang merupakan antara ciri peribadi beliau yang menjadi perhatian masyarakat di waktu itu.

Dalam sepanjang rehlah ilmunya Imam Aḥmad telah berguru dengan beberapa orang tokoh ulama di zamannya. Ibn al-Jawzī dalam *al-Manāqibnya* (Ibn al-Jawzī, 1979) ada meriwayatkan perkataan Imam Aḥmad sendiri mengenai guru-gurunya. Imam Aḥmad menyebut:

“Aku menimba ilmu dari Sulaymān bin Ḥarb (m.224H) di Basrah pada tahun 194H, daripada Abū al-Nu‘mān ‘Arīm pada tahun yang sama, juga daripada Abū ‘Umar al-Ḥauḍī. Aku juga mendatangi majlis ilmu Ibn al-Mubārak (m.181H) ketika dia datang ke tempat kami pada tahun 179H. Pada tahun yang sama aku juga menimba ilmu dari ‘Alī bin Hāshim bin al-Bārid iaitu pada tahun meninggalnya Mālik bin Anas.”

kedua, fatwa sahabat yang tidak didapati sebarang percanggahan dengan fatwa sahabat lain; ketiga, dalam kes ada percanggahan antara fatwa-fatwa sahabat Imam Aḥmad akan memilih fatwa yang paling dekat dengan al-Quran dan al-Sunnah; keempat, berpegang dengan hadis *mursal* dan hadis *da'īf* sekiranya dalam sesuatu masalah itu tidak ada dalil yang menolaknya dan yang kelima, berpegang dengan *qiyās* selepas ketiadaan fatwa sahabat, hadis *mursal* atau hadis *da'īf*. Walau bagaimanapun, usul tersebut pada hakikatnya dapat disimpulkan secara umum kepada empat sahaja iaitu al-Quran, al-Sunnah, fatwa sahabat dan *qiyās*.

RUJUKAN

- _____. (1988). *Manāqib al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal*. t.tp.: Dār Hijr.
- ‘Abd Allāh al-Muḥsin al-Turkī. (t.t.). *Uṣūl Madhhab al-Imām Aḥmad: Dirāsah Uṣūliyyah Muqāranah*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- ‘Abd Allāh bin Yūsuf al-Jadī’. (2003). *Tahrīr ‘Ulūm al-Ḥadīth*. Beirut: Mu’assasah al-Risālah.
- ‘Abd Allāh Muḥammad bin Abī Bakr Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah. (2002). *I’lām al-Mawqī’ in ‘an Rabb al-‘Ālamīn*. ed. Abū ‘Ubaydah Mashhūr. Saudi: Dār Ibn al-Jawzī.
- ‘Abd al-Majīd Maḥmūd ‘Abd al-Majīd. (1979). *Al-Ittijāhāt al-Fiqhiyyah ‘Inda Aṣḥāb al-Ḥadīth fī al-Qarn al-Thālith al-Hijrī*. Mesir: Maktabah al-Khanajī.
- Ibn al-Jawzi. (1979). *Manāqib al-Imām Aḥmad Ibn Ḥanbal*. Mesir: Maktabah al-Khanajī.
- Muḥammad Abū Zuhrah. (t.t.). *Ibn Ḥanbal: Hayātuhu, ‘Aṣruhu, Ara’uhu wa fiqhuhu*. Kaherah: Dār al-Fikr.
- Muḥammad Fawzī. (2001). *al-Madhāhib al-Fiqhiyyah*. Damsyik: Dār al-Qalam.
- Wahbah al-Zuhaylī (2005). *Usul al-Fiqh al-Islāmī*. j. 2. Damsyik: Dār al-Fikr.

5

PERSONALITI DAN METODOLOGI HUKUM IMAM IBN HAZM AL-ZĀHIRĪ

Raihanah Hj Azahari (Ph.D)

Ridzwan Ahmad (Ph.D)

PERSONALITI IMAM IBN HAZM AL-ZĀHIRĪ

Biografi Imam Ibn Hazm

Beliau dikenali sebagai Ibn Hazm al-Zāhirī ringkasan dari nama penuhnya ‘Alī bin Aḥmad bin Sa‘īd bin Ḥazm bin Ghālib bin Šāliḥ bin Sufyān bin Yazīd bin Abī Sufyān bin Ḥarb bin Umayyah bin ‘Abd al-Shams al-Qurashī al-Andalusī. Susur galur keluarganya berasal dari Parsi kerana datuknya Yazīd adalah berbangsa Parsi dan merupakan *mawlā* Yazīd bin Abī Sufyān iaitu saudara kepada Mu‘awiyah. Kerana itulah disebutkan bahawa Ibn Ḥazm berketurunan Quraish dan berbangsa Parsi (*Qurashī bi al-Walā‘ wa Fārisi bi al-Jins*). Datuknya kemudian telah berpindah bersama-sama dengan keluarga Umawi ke Andalus (‘Abd al-Karīm Khalīfah, t.t. & Muḥammad Abū Zuhrah, 1954).

Bapanya ialah Aḥmad bin Sa‘īd bin Ḥazm. Beliau merupakan salah seorang menteri kepada al-Manṣūr Muḥammad bin ‘Abd Allāh bin ‘Abī ‘Āmir yang memerintah kerajaan ‘Āmiriyyah di Andalus sekitar tahun 366H sehingga 399H. Bapanya digambarkan sebagai seorang menteri yang bijaksana dan adil pada zaman pemerintahannya dan beliau juga dianggap sebagai salah seorang ulama daripada kalangan menteri kepada Muḥammad bin Abd Allāh. Al-Ḥumaydī dalam kitabnya *al-Jazwah* menukilkan:

“Aḥmad bin Sa‘īd bin Ḥazm seorang menteri dalam kerajaan ‘Āmiriyyah dan bapa kepada faqih Abū Muḥammad ini adalah daripada kalangan ilmuwan dan sasterawan” (‘Abd al-Karīm Khalīfah, t.t.).

KESIMPULAN

Melalui perbincangan yang diketengahkan, dapat disimpulkan bahawa Imam Ibn Ḥazm al-Zāhirī merupakan seorang ulama yang mencapai tahap *mujtahid mutlaq* dan menjadi rujukan banyak pihak dalam kalangan ulama sezaman dengannya. Ini dapat dibuktikan melalui pengiktirafan mazhab beliau walaupun selepas itu pupus kerana tiada pengikut seperti mazhab fekah empat yang muktabar. Jika diperhatikan melalui latar belakang tokoh ini, pembentukan metodologi hukum beliau tidak dapat dinafikan terhasil akibat interaksi dengan suasana mahupun latar belakang kehidupannya. Dalam hal ini, beliau mempunyai metode yang tersendiri dalam ilmu usul al-fiqh. Kebanyakan metode usul fiqhnya dapat ditemui dalam buku-bukunya yang masyhur seperti *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām*, *al-Nubadh fī Uṣūl al-Fiqh*, *Mulakhkhas Ibṭāl al-Qiyās wa al-Ra'y wa al-Istiḥsān wa al-Taqlid wa al-Ta'līl* dan lain-lain. Walaupun mazhab Zāhirī yang diwakilinya telah dianggap pupus ketika ini, namun beberapa pemikiran usul fiqh Ibn Ḥazm terutama yang dimuatkan dalam *al-Iḥkām fī Uṣūl al-Aḥkām* masih segar dan diberi perhatian utama oleh para pengkaji ilmu usul fiqh sejak dahulu hinggalah masa kini.

RUJUKAN

- _____. (1969M/1389H). *Mulakhkhas Ibṭāl al-Qiyās wa al-Ra'y wa al-Istiḥsān wa al-Taqlid wa al-Ta'līl*, ed. Sa'īd al-Afghānī. cet. 2. Beirut: Dār al-Fikr.
- _____. (1988). *al-Muḥallā*. juz. 1. Beirut: Dār al-Fikr.
- _____. (t.t.). *Rasā'il Ibn Ḥazm*. ed. Iḥsān Rāshid 'Abbas. Baghdād: Maktabah al-Muthannā.
- 'Abd al-Karīm Khalīfah. (t.t.). *Ibn Ḥazm al-Andalusī Ḥayātuhu wa Adābuhu*. Aman: Maktabah al-Aqsā.
- 'Alī bin Aḥmad bin Sa'īd bin Ḥazm. (1981), *al-Nubadh fī Uṣūl al-Fiqh*. ed. Aḥmad Ḥijāzī al-Saqā. Kaherah: Maktabah al-Kuliyyāt al-Azhariyyah.
- Aḥmad Faṭḥī Bahnasi. (1988). *al-Jarā'im fī al-Fiqh al-Islāmī*. cet. 6. Kaherah: Dār al-Shurūq.
- Al-Khaṭīb al-Baghdādī. (t.t.). *Tārīkh Baghdād*. j. 7. Beirut: Dār al-Kitāb

al-‘Arabī.

Anwār Khālīd al-Za‘bī. (1996). *Ẓāhiriyyah Ibn Ḥazm al-Andalūsī*.
Amman: al-Ma‘had al-‘Ālami li al-Fikr al-Islāmī.

Muḥammad Abū Zuhrah. (1954). *Ibn Ḥazm, Ḥayātuhu wa ‘Aşruhu*. cet. 3.
Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī.

Muḥammad Salām Madkūr. (1973). *Manāhij al-Ijtihād fī al-Islām*.
Kuwait: Jāmi‘āt al-Kuwayt.

Shams al-A‘immah Muḥammad bin Aḥmad al-Sarakhsī. (1978). *al-Mabsūṭ*, cet. 3. j. 10. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.

6

PERSONALITI DAN METODOLOGI HUKUM IMAM AḤMAD IBN TAYMIYYAH

Rushdi Ramli (Ph.D)

PERSONALITI IMAM AḤMAD IBN TAYMIYYAH

Nama Penuh dan Keturunan

Nama penuh Ibn Taymiyyah ialah Aḥmad bin ‘Abd al-Salām Ibn Abd Allāh Abū al-‘Abbās Taqiy al-Dīn Ibn Taymiyyah al-Ḥarrānī. Ibn Taymiyyah dilahirkan pada hari Isnin, 10 Rabī‘ al-Awwal pada tahun 661H di dalam suatu keluarga yang amat teguh berpegang dengan agama dan tersohor dengan golongan yang alim. Beliau dilahirkan di Ḥarrān yang terletak di timur Damsyik. Menurut para ahli sejarah, Imam Aḥmad Ibn Taymiyyah berasal daripada suatu keluarga yang dipanggil *usrah Ibn Taymiyyah* di mana ia merupakan suatu keluarga yang amat terkenal dengan ilmu agama dan pegangan agama. Dari sudut sejarah, *usrah Ibn Taymiyyah* ini merupakan suatu keluarga yang berpegang teguh dan mendukung mazhab Ḥanbalī di mana para ulama yang lahir daripada kalangan *usrah Ibn Taymiyyah* ini sentiasa menjadikan aliran fiqh dan akidah salafussoleh sebagai asas pengajaran, penulisan dan dalam proses memberi fatwa.

Dari segi sejarahnya, datuk kepada Ibn Taymiyyah yang bernama Abū al-Barakāt Majd al-Dīn Ibn Taymiyyah merupakan salah seorang ulama besar di dalam mazhab Ḥanbalī. Begitu juga ayahandanya bernama Shaykh Shihāb al-Dīn ‘Abd al-Ḥalīm Ibn Taymiyyah juga merupakan seorang ulama yang beraliran mazhab Ḥanbalī dan amat terkenal sebagai seorang mahaguru daripada aliran Ḥanbalī ketika hidupnya.

Keperibadian dan Keilmuwan

Ibn Taymiyyah merupakan seorang insan yang diberikan oleh Allah

akal semata-mata adalah salah dan tersasar.

2. *Al-Istiḥsān* yang berasaskan nas-nas syarak yang sahih. Inilah bentuk *al-Istiḥsān* yang sahih dan diperakui. Menurut Ibn Taymiyyah, segala hukum-hakam agama yang terdapat dalam syariat Islam sentiasa bersifat baik, menepati kebenaran dan pasti mendatangkan manfaat dan *maṣlahah* kepada kehidupan manusia. Kerana itu, tegas beliau, adalah mustahil dan tidak mungkin boleh berlaku syariat Islam, yang diturunkan sebagai rahmat kepada sekalian alam, mengemukakan hukum-hakam agama tertentu yang bersifat buruk, tidak elok dan tidak relevan menurut penilaian akal yang waras.

Secara rumusannya dapat dinyatakan bahawa Ibn Taymiyyah tidak menerima doktrin *al-Istiḥsān* yang tidak bersandar kepada dalil-dalil tertentu yang sah. Ini bermakna *al-Istiḥsān* yang benar dan yang dapat diterima sebagai hujah dalam Islam ialah *al-Istiḥsān* yang bersandar kepada al-Quran atau al-Sunnah atau dalil-dalil syarak sah yang lain.

KESIMPULAN

Secara umumnya, Ibn Taymiyyah berpendapat bahawa terdapat tujuh metodologi utama dalam pembinaan hukum-hakam fiqh. Ini bermaksud, metodologi yang boleh digunakan sebagai pendekatan istinbat hukum menurut beliau sedikit berbeza dengan Imam Aḥmad bin Ḥanbal. Sungguhpun begitu, boleh dikatakan bahawa metodologi pembinaan hukum fiqh yang menjadi pegangan dan dukungan Ibn Taymiyyah tidak terkeluar daripada prinsip-prinsip utama metodologi fiqh yang menjadi pegangan dalam mazhab Imam Aḥmad bin Ḥanbalī atau yang dipelopori oleh Imam Aḥmad bin Ḥanbal. Menariknya, hakikat ini tidak menafikan bahawa Ibn Taymiyyah kerap melakukan ijtihad-ijtihad fiqhnya yang “tersendiri” dan “bebas” yang ada ketikanya bersesuaian dengan fiqh mazhab Ḥanbalī, ada ketikanya berbeza dengan mazhab Ḥanbalī dan malahan ada ketikanya berbeza dengan pandangan fiqh mazhab imam mujtahid yang empat.

RUJUKAN

- _____. (1947). *Ibn Ḥanbal: Ḥayātuhu wa ‘Aṣruhu, Arā’uhu wa Fiqhuhu*. Kaherah: Dār al-Fikr al-‘Arabī.

- _____ (1961), *Majmu' fatawa Shaykh al-Islam Ahmad ibn Taymiyyah qaddasa Allah ruhihi*, j. 11. Riyadh: Matabi' al-Riyad.
- _____. (1988). *Bayān al-Dalīl 'alā Baṭlān al-Taḥlīl*. ed. Ḥamdī 'Abd al-Majīd al-Salafī. t.tp: al-Maktab al-Islāmī.
- Abū Ḥāmid Muḥammad bin Muḥammad al-Ghazālī. (t.t.). *al-Mustaṣfā min 'Ilm al-Uṣūl*. j. 2. Jeddah: Syarikah al-Madīnah al-Munawwarah.
- Ibn Taimiyyah (1983), *Majmu'ah al-Rasa'il wa al-Masa'il*, j. 2. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Ibrāhīm 'Uqaylī (1994), *Takāmul al-Manhaj al-Ma'rifi 'inda Ibn Taymiyyah*. t.tp.: al-Ma'had al-'Alamī li al-Fikr al-Islāmī.
- Muḥammad Abū Zuhrah. (1952). *Ibn Taymiyyah: Ḥayātuh, 'Aṣruh, Arā'uh wa Fiqhuhu*, Kaherah: Dār al-Fikr al-'Arabī.
- Muḥammad bin 'Alī Al-Shawkānī. (1979). *Irsyād al-Fuḥūl ilā Taḥqiq al-Ḥaqq min 'Ilm al-Uṣūl*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- Nūr 'Abd Judlī. (2006). *Manahij al-Fuqahā' al-Arba'ah*. Kuala Lumpur: Dār al-Tajdīd.
- Sayyid Abū Ḥasan 'Alī al-Nadwī. (1975). *Rijāl al-Fikr wa al-Da'wah: Ahmad Ibn Taymiyyah*. j. 2. Kuwait: Dār al-Qalam.
- Sirāj al-Dīn Abū Ḥafṣ 'Umar bin 'Alī. (1980). *Al-A'lām al-'Aliyyah fī Manāqib Ibn Taymiyyah*. ed. Zuhayr al-Shāwīsh. Beirut: al-Maktab al-Islāmī.

7

METODE *TAKHRĪJ AL-FURŪ‘ ‘ALA AL-UṢŪL* MENURUT YA’QUB AL-BAHUSAYN DALAM KARYANYA *AL-TAKHRĪJ ‘INDA AL-FUQAHĀ’ WA* *AL-USŪLIYYĪN*

Farah Khaledah Adam

Muhammad Safwan Harun (Ph.D)

Noor Naemah Abdul Rahman (Ph.D)

Abdul Karim Ali (Ph.D)

PENDAHULUAN

Ilmu *Takhrīj al-Furū‘ ‘ala al-Uṣūl* merupakan salah satu daripada perbincangan yang terdapat di dalam ilmu usul al-fiqh. Ia digunakan oleh para ulama khususnya fuqaha sebagai salah satu metodologi dalam penetapan hukum Islam. Hal ini kerana, pengamalan *Takhrīj al-Furū‘ ‘ala al-Uṣūl* ini dapat membantu para ulama serta pengkaji hukum menyelesaikan permasalahan semasa yang timbul yang mana belum ada ketetapan hukum secara khusus mengenainya dan dalam masa yang sama masih tidak terkeluar dari ruang lingkup mazhab.

Penulisan khusus berkenaan ilmu *takhrīj* telah mula ditulis dan dibincangkan oleh para ulama silam dalam karya-karya mereka. Antaranya ialah al-Zanjānī (635H) dengan karyanya *Takhrīj al-Furū‘ ‘ala al-Uṣūl*, al-Tilimsānī (771H) *Miftāh al-Wuṣūl ila Binā’ al-Furū‘ ‘ala al-Uṣūl*, al-Isnāwī (772H) dengan karyanya *al-Tamhīd fi Takhrīj al-Furū‘ ‘ala al-Uṣūl*, Ibn al-Laḥḥām (803H) dalam karyanya *al-Qawā’id wa al-Fawāid al-Uṣūliyyah* dan al-Tamartāshi (1007H) *al-Wuṣūl ila Qawā’id al-Uṣūl*. Selain itu, terdapat juga ulama semasa yang menulis berkenaan ilmu ini antaranya ialah Ya’qub al-Bahusayn (1414H) dalam karyanya *al-Takhrīj ‘inda al-Fuqahā’ wa al-Uṣūliyyīn* dan juga tesis kedoktoran Waliyuddin Farfur yang kemudiannya dibukukan dengan tajuk *Takhrīj al-Furū‘ ‘ala*

Akhir sekali pada bahagian penutup, Ya'qub al-Bahusayn merumuskan kembali hasil perbincangan kitab tersebut secara ringkas sebagai gambaran umum dan menyeluruh terhadap perbincangan *Takhrīj al-Furū'* 'ala al-Uṣūl. Seterusnya, beliau juga turut mendatangkan beberapa isu semasa yang belum ada ketetapan hukum secara khusus (Ya'qub al-Bahusayn, 1993) seperti isu berkenaan faedah dana simpanan dan deposit bank, isu insurans komersial atau insurans dengan keuntungan tetap dan isu berkenaan hak cipta dan penerbitan buku. Kesemua isu ini didatangkan sebagai contoh bagi melihat bagaimana para ulama mengeluarkan hukum terhadap permasalahan baru. Ada di antaranya yang bersetuju dan ada juga yang menolak. Kesemuanya mendatangkan dalil dan hujah berdasarkan usul dan kaedah dalam mazhab masing-masing.

KESIMPULAN

Rumusannya dapat disimpulkan bahawa sumbangan Ya'qub al-Bahusayn dalam lapangan ilmu *takhrīj*, khususnya *Takhrīj al-Furū'* 'ala al-Uṣūl adalah sangat besar manfaatnya lebih-lebih lagi kepada para pengkaji ilmu Syariah. Hal ini kerana, beliau bukan sahaja membantu memudahkan kefahaman terhadap karya-karya klasik ilmu ini, bahkan turut melakukan penambahan perbincangan yang membantu mengukuhkan lagi kefahaman terhadap ilmu *Takhrīj al-Furū'* 'ala al-Uṣūl.

Akhirnya, kajian serta perbincangan mengenai ilmu *Takhrīj al-Furū'* 'ala al-Uṣūl adalah sangat penting dan perlu diberi perhatian yang baik. Hal ini disebabkan oleh peranannya yang sangat penting dalam proses penetapan hukum lebih-lebih lagi pada permasalahan semasa yang belum ada ketetapan hukum secara jelas.

RUJUKAN

- Ahmad Fauwaz Fadzil. (2017). *Manhaj Takhrīj dan Tarjih Sa'ad al-Din Mus'ad Hilali dalam Kitab al-Basmah al-Wirathiyyah*. Disertasi Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Ahmad Fauwaz Fadzil, Noor Naemah Abdul Rahman & Muhammad Ikhlās Rosele. (2017). *Manhaj Takhrīj dan Aplikasinya kepada Kitab Minhaj al-Talibin: Satu Tinjauan*. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa* 9.

- Ahmad Najib. (2013). Takhrīj al-Furū' 'ala al-Uṣūl min Kitāb Sharḥ Mukhtaṣar al-Ṭahāwī li al-Jaṣṣāṣ. Disertas Sarjana. Universiti al-Imām Muḥammad bin Sa'ūd al-Islāmiyyah, Riyāḍ.
- Ahmad Saad Jawsh. (2021). *Takhrīj al-Furū' 'ala al-Uṣūl min Kitāb al-Iqnā' fi Ḥallī Alfāz Abī Shujā'*. Riyāḍ: Dar al-'Ulā.
- Ahmad Zakirullah Mohamed Shaarani. (2017). Takhrīj al-Furu' 'ala al-Uṣul dan Sumbangannya dalam Menyelesaikan Isu-isu Muamalat Semasa: Analisis Kaedah-Kaedah Terpilih dalam Kitāb Takhrīj al-Furu' 'ala al-Uṣul oleh Al-Zanjani". Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Aḥmed Ḥamīd Ḥumadī. (2014). Al-Takhrīj al-Uṣūlī wa Ṣilātuhu bi 'Ilm Uṣūl al-Fiqh: Dirāsah Ta'ṣiliyyah Istiqra'iyah Taḥlīliyyah. *Majallah Kuliyah al-Syariah* 6.
- Hanuf Ali. (2010). Takhrīj al-Furū' 'ala al-Uṣūl min Kitāb al-'Ināyah Sharḥ al-Hidāyah li al-Babartī: Dirāsah Muqāranah bi Kitābihi al-Taqrir li Usul Fakhr al-Islam al-Bazdawi. Disertasi Sarjana, Universiti al-Imām Muḥammad bin Sa'ūd al-Islāmiyyah, Riyāḍ.
- Ilham Nasir. (2004). Takhrīj al-Furū' 'ala al-Uṣūl 'inda Ibn al-Najjar fi Kitābihi Ma'ūnah Uli al-Nuha: Dirāsah Muqāranah bi Kitābihi Sharḥ al-Kaukabu al-Munīr. Disertasi Sarjana, Universiti al-Imām Muḥammad bin Sa'ūd al-Islāmiyyah, Riyāḍ.
- Khalid Muhammad. (2008). Takhrīj al-Furū' 'ala al-Uṣūl min Kitāb Kasyaf al-Qinā': Jam'an wa Dirāsatan. Disertasi Sarjana, Universiti al-Imām Muḥammad bin Sa'ūd al-Islāmiyyah, Riyāḍ.
- Khalid Rashid Hamid. (2004). Takhrīj al-Furū' 'ala al-Uṣūl 'inda Ibn Qayyim al-Jauziyyah min Khilāl al-Adillah al-Muttafaq 'alayhā wa Dilālāh al-Alfāz. Disertasi Sarjana, Universiti al-Islāmiyyah bi al-Madīnah al-Nabawiyyah, Arab Saudi.
- King Faisal Prizes. (2021, Julai). *Dr Yaqub al-Bahussain*. dimuat turun daripada <https://kingfaisalprize.org/ar/dr-yacoub-a-albahussain/>
- Muhammad Bakar Ismail Habib. (2008). Ilm Takhrīj al-Furū' 'ala al-Uṣūl. *Majallah Jāmi'ah Umm al-Qurā li 'Ulūm al-Sharī'ah wa*

Manahij Al-Fuqaha'

Buku ini merupakan suntingan daripada tujuh artikel terpilih yang berkisar tentang metodologi hukum Islam. Rentetan perkembangan semasa, perlunya sebuah perbincangan bersifat akademik untuk menjelaskan tentang manhaj istinbat hukum Islam bagi menangani realiti semasa. Oleh kerana itu, buku ini bakal menjelaskan kepada sidang pembaca tentang metodologi yang ada dalam proses pengeluaran hukum menurut beberapa sarjana terpilih yang terdiri daripada imam empat (4) mazhab dan beberapa ulama lain. Perbincangan berbentuk akademik tentang manahij al-fuqaha' merupakan asas penting untuk difahami dan dihadap untuk menghayati perbezaan fiqh dengan baik. Ini bermaksud, manahij al-fuqaha' perlu dijelaskan kepada masyarakat secara lebih akademik kerana kegagalan memahami punca khilaf dalam proses pengeluaran hukum mencetuskan tanggapan negatif terhadap kepelbagaian pendapat. Justeru, buku ini bukan sekadar mendedahkan tentang teori hukum dari perspektif ulama terpilih, malah dipercayai dapat membantu sidang pembaca menghayati dengan lebih baik pandangan-pandangan fiqh dari kalangan imam-imam.



Sila imbas kod untuk maklumat lanjut

